

Daripada 40 buah karangan pelajar telah melakukan 852 kesilapan ayat (Jadual 2). Ini bererti purata kesilapan dilakukan oleh pelajar sebanyak 21.3 kali. Dengan demikian purata kesilapan dalam sebuah karangan sebanyak 10.7 kali bagi setiap orang pelajar.

Purata kesilapan sebanyak 10.7 merupakan kekerapan yang tinggi apabila memandangkan mereka semua adalah pelajar Melayu. Tambahan pula pelajar tersebut telah mempelajari bahasa Melayu selama lebih daripada 13 tahun secara formal, iaitu 6 tahun di sekolah rendah dan 7 tahun sekolah menengah.

Daripada 852 kesilapan ayat terdiri daripada 9 jenis ayat (Jadual 3). Daripada angka tersebut, dapat dirumuskan bahawa pelajar lebih banyak membuat kesilapan dalam jenis ayat saduran dan ayat majmuk. Daripada dapatan ini dapat ditaksirkan pelajar gemar menggunakan struktur ayat saduran tetapi kurang arif atau tidak mengetahui rumus yang betul dan gramatis.

Analisis kesilapan yang dikaji dibataskan kajian kepada jenis ayat sahaja yang terdiri daripada sembilan komponen. Antara sembilan komponen ayat ini ayat saduran paling banyak kekerapan kesilapannya. Sebanyak 254 (29.8%) daripada 852 kesilapan ayat. Kekerapan yang kedua terbanyak iaitu kesilapan struktur ayat majmuk campuran dengan 177 (28%). Kekerapan ketiga kesilapan ayat majmuk relatif mengumpul 146 (17.14%) kesilapan.

Seterusnya, kesilapan struktur ayat majmuk keterangan, ayat aktif dan ayat pasif, masing-masing mengumpul 43 (5.05%), 32 (3.76%) dan 31 (3.63%) kekerapan. Selebihnya ayat majmuk pancangan komplemen dengan 24 (2.8%) kekerapan.

Tafsiran yang dapat dibuat berdasarkan analisis tersebut, bahawa pelajar lemah dalam kemahiran rumus ayat saduran dan kemahiran membina ayat majmuk yang kompleks bentuknya. Kelemahan pelajar dalam menguasai ayat majmuk ini selaras dengan dapatan kajian Awang Mohd Amin 1982 dan Abdul Hamid Mahmood, 1989. Kajian ini mendapati kelemahan pelajar membentuk ayat ini kerana mereka gagal memancangkan beberapa ayat kecil dan teratur, tidak tepat menggunakan kata hubung, kata tugas, penggunaan kata jamak yang tidak sesuai dan lain-lain.

Selain itu, kajian mendapati pelajar mengulangi kesilapan ayat yang sama. Rumusannya bahawa kesilapan ayat yang dilakukan oleh pelajar dalam ujian karangan 1 diulangi dalam ujian karangan 2.

Dapatan ini berbeza dengan dapatan yang didapati daripada kajian Kadir Amin (1981), Awang Mohamad Amin (1982) dan Muhammad Salehuddin Aman (1993). Hal ini menunjukkan kumpulan pelajar perempuan di peringkat prauniversiti SMKSSN lemah penguasaan sintaksis berbanding pelajar lelaki.

Hasil daripada penelitian ke atas kekerapan kesilapan sintaksis antara kumpulan PBM SPM lelaki dan PBM SPM perempuan didapati terdapat juga perbezaan. Perbezaan kesilapan setiap pelajar dalam kumpulan PBM SPM tinggi

sebanyak (14.8%), Kumpulan PBM SPM sederhana menunjukkan perbezaan yang kecil iaitu (1.6%) bagi setiap kumpulan. Sementara kumpulan PBM SPM rendah juga menunjukkan perbezaan iaitu (13.14%). Angka ini menunjukkan bahawa kekerapan kesilapan ayat pelajar perempuan lebih tinggi daripada kekerapan kesilapan pelajar lelaki.

Kesimpulan yang dapat dibuat pengkaji mendapati perbezaan kesilapan sintaksis pelajar yang dikaji besar perbezaannya. Dengan mengambil kira purata kesilapan yang dibuat oleh setiap orang pelajar jelas terbukti bahawa pelajar lelaki daripada kumpulan PBM SPM rendah jelas terbukti lebih baik daripada kumpulan PBM SPM perempuan.

Dalam aspek masa untuk membuat kerja bagi mata pelajaran bahasa Melayu seminggu, kajian ini mendapati 52.5% pelajar menghabiskan masa selama 3 hingga 5 jam. Sejumlah 47.5% pelajar menggunakan masa kurang daripada 2 jam seminggu.

Dari segi jumlah buku bahasa yang dibaca oleh seramai 50% pelajar kedua-dua kumpulan dalam sebulan membaca antara 3 hingga 5 buah sebulan. Sementara 50% lagi membaca kurang daripada 3 buah buku sebulan. Purata setiap pelajar membaca buku berkaitan bahasa 0.2%. Data ini menunjukkan jumlah bacaan yang tidak mencukupi untuk membantu pelajar menguasai sintaksis secara optimum dan berkesan. Tambahan pula dari segi penggunaan bahasa harian 95% pelajar menggunakan bahasa dialek, dan hanya 5% yang mengamalkan bahasa Melayu baku

dalam pertuturan harian. Hal ini, memberi kesan kepada pelajar dalam menguasai aspek sintaksis secara gramatis berdasarkan rumus tatabahasa yang betul.

5.3 Cadangan

Berdasarkan kajian pengkaji mendapati beberapa kelemahan pelajar prauniversiti SMKSSN terhadap pembinaan ayat melalui penulisan karangan. Beberapa cadangan untuk memperbaiki kelemahan bahasa Melayu aspek sintaksis yang berlaku khusus di kalangan pelajar prauniversiti di sekolah yang dikaji.

Cadangan-cadangan untuk mengatasi kelemahan untuk menjadikan bahasa Melayu dapat dikuasai dengan baik, sempurna dan berkesan oleh setiap pelajar, bergantung kepada beberapa faktor yang saling berkait.

5.3.1 Faktor Sukatan Pelajaran

Faktor sukanan pelajaran pada pendapat pengkaji menjadi faktor utama. Dapatkan kajian (Mohin Ibrahim dalam Bakar Ahmad 1988: 105) untuk mengenal pasti sebab-sebab mengapa pelajar tidak menguasai bahasa Melayu dengan baik dan pencapaian prestasi yang rendah dalam peperiksaan menyenaraikan salah satu faktornya ialah sukanan pelajaran. Sukanan pelajaran Tingkatan Enam (prauniversiti) terlalu menekankan kepada aspek mendidik pelajar-pelajar melahirkan fikiran yang matang dan bernalas sehingga aspek tatabahasa telah tidak dimasukkan.

Oleh itu, pengabaian aspek ini dalam sukanan pelajaran prauniversiti akan menyebabkan penguasaan bahasa Melayu terutama sintaksis yang gramatis akan tidak berkesan. Dengan demikian, guru sukar untuk mendapatkan panduan aspek tatabahasa dan pola ayat yang perlu diberikan penekanan atau keutamaan supaya pelajar dapat membina karangan dengan lebih bersistem dan berkesan. Walaupun aspek fonologi, morfologi dan sintaksis ada diajar dalam Bahasa Melayu Kertas 1 Kod 910/ 1 namun proses sisip serap sukar berlaku andainya tidak digabungkan. Walaupun demikian, pelajar prauniversiti SMKSSN telah menunjukkan perubahan yang ketara selepas mempelajari morfologi dan sintaksis dari aspek kesilapan ayat.

5.3.2 Faktor Pelajar

Faktor pelajar menjadi asas dalam penguasaan penulisan (karangan) bahasa Melayu. Faktor ini berhubung rapat dengan sikap pelajar. Terdapat pelajar yang meramandang senang terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Banyak pelajar yang beranggapan bahawa bahasa Melayu itu mudah. Pelajar-pelajar Melayu khususnya merasakan bahasa Melayu itu bahasa ibunda mereka. Mereka boleh bercakap, menulis, merasakan mereka mengetahui selok-belok bahasa Melayu dan boleh lulus dengan baik. Mereka lupa dan tidak mengetahui bahawa bahasa Melayu yang digunakan setiap hari sebenarnya dialek Melayu, yang berbeza daripada bahasa Melayu baku.

Di samping itu sikap pelajar yang negatif menjadi penyebab kepada penguasaan bahasa menjadi lemah di kalangan pelajar itu sendiri. Pelajar kurang inisiatif untuk meningkatkan penguasaan bahasa mereka sendiri. Peningkatan inisiatif

Oleh itu, pengabaian aspek ini dalam sukanan pelajaran prauniversiti akan menyebabkan penguasaan bahasa Melayu terutama sintaksis yang gramatis akan tidak berkesan. Dengan demikian, guru sukar untuk mendapatkan panduan aspek tatabahasa dan pola ayat yang perlu diberikan penekanan atau keutamaan supaya pelajar dapat membina karangan dengan lebih bersistem dan berkesan. Walaupun aspek fonologi, morfologi dan sintaksis ada diajar dalam Bahasa Melayu Kertas 1 Kod 910/1 namun proses sisip serap sukar berlaku kerana tidak digabungkan dalam Bahasa Melayu Kertas 2 Kod 910/2. Walaupun demikian, pelajar prauniversiti SMKSSN telah menunjukkan perubahan yang ketara selepas mempelajari morfologi dan sintaksis dari aspek kesilapan ayat.

5.3.2 Faktor Pelajar

Faktor pelajar menjadi asas dalam penguasaan penulisan (karangan) bahasa Melayu. Faktor ini berhubung rapat dengan sikap pelajar. Terdapat pelajar yang memandang senang terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Banyak pelajar yang beranggapan bahawa bahasa Melayu itu mudah. Pelajar-pelajar Melayu khususnya merasakan bahasa Melayu itu bahasa ibunda mereka. Mereka boleh bercakap, menulis, merasakan mereka mengetahui selok-belok bahasa Melayu dan boleh lulus dengan baik. Mereka lupa dan tidak mengetahui bahawa bahasa Melayu yang digunakan setiap hari sebenarnya dialek Melayu, yang berbeza daripada bahasa Melayu baku.

Di samping itu sikap pelajar yang negatif menjadi penyebab kepada penguasaan bahasa menjadi lemah di kalangan pelajar itu sendiri. Pelajar kurang inisiatif untuk meningkatkan penguasaan bahasa mereka sendiri. Peningkatan inisiatif

dapat diperolehi melalui bahan-bahan bacaan yang mempunyai hubung kait dengan bahasa seperti Pelita Bahasa, Dewan Bahasa dan lain-lain. Penglibatan pelajar dalam aktiviti bahasa seperti kuiz, bahas, syarahan dan lain-lain dapat memahirkan bahasa pelajar.

Daripada segi inisiatif pelajar sendiri membuat karangan berdasarkan soal selidik amat sedikit bilangannya iaitu 8 orang sahaja (15%). Sebahagian besar pelajar yang lain iaitu (85%), seramai 36 orang yang bergantung kepada guru semata-mata. Pergantungan ini tidak mencukupi bagi membolehkan pelajar menguasai bahasa Melayu (terutama kemahiran sintaksis) dengan berkesan. Pada pendapat pengkaji, beberapa langkah yang perlu dilaksanakan bagi menimbulkan suasana pembelajaran yang positif di kalangan pelajar.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah perlu diubah. Pelajar perlu berperanan memberi maklumat kepada guru dalam bilik darjah. Jadi di sini pelajar yang berperanan dan berfungsi. Guru hanya berperanan sebagai pemudah cara sahaja semasa proses pengajaran pembelajaran berlangsung. Cara begini pelajar akan lebih bertanggung jawab, menarik dan berminat serta memberi tumpuan dan perhatian yang maksimum terhadap proses pembelajaran dan pengajaran terutama pembelajaran bahasa Melayu.

Kepelbagaiannya aktiviti dalam pengajaran pembelajaran untuk penguasaan sintaksis yang berkesan penting untuk membantu pelajar mengatasi melakukan kesilapan ayat. Pendekatan gerak kerja kelompok dalam bahasa Melayu terutama dalam penulisan

karangan satu teknik yang berkesan untuk mengatasi kelemahan dalam bidang sintaksis. Kaedah ini perlu diwujudkan berdasarkan tujuan berikut;

1. Mengurangkan kadar kesilapan sintaksis dalam bahasa Melayu apabila diadakan kerja kelompok daripada kerja secara individu.
2. Memberi lebih banyak kesempatan kepada pelajar untuk berkomunikasi bagi meningkatkan penguasaan sintaksis bahasa Melayu.
3. Mewujudkan persekitaran yang bebas daripada tekanan dan pelajar-pelajar dapat berkongsi pendapat dan pengalaman dalam menguasai sintaksis bahasa Melayu dan
4. Memberi peluang kepada mereka untuk saling semak-menjemak latihan karangan antara satu sama lain di bawah penguasaan dan bimbingan guru bahasa Melayu.

Oleh itu, perspektif pengajaran pembelajaran berpusatkan pelajar lebih berkesan dan bermanfaat daripada perspektif pengajaran pembelajaran berpusatkan guru yang sering diamalkan di sekolah-sekolah terutama dalam bidang sintaksis.

Menambahkan tugas berbentuk karangan perlu dilaksanakan oleh guru. Namun begitu, guru harus mengurangkan pemberian latihan yang berbentuk panjang (karangan panjang). Tugasan begini akan menyulitkan pelajar-pelajar. Kemungkinan Pada masa yang sama pelajar mempunyai latihan-latihan mata pelajaran yang lain selain bahasa Melayu. Di samping itu, kesukaran kepada pihak guru untuk memeriksa

atau menandakan setiap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. Untuk mengelakkan keadaan berterusan lebih baik guru memberikan latihan karangan pendek anatara 200 sehingga 300 patah perkataan. Penumpuan yang serius terhadap penulisan dengan penekanan terhadap tatabahasa, ejaan dan sintaksis dapat menghasilkan sebuah karangan yang bebas daripada kesalahan khusus dalam bidang sintaksis.

Pendapat ini bersesuaian dengan pendapat Awang Mohd Amin (1982) bahawa guru tidak perlu memberikan latihan amali yang panjang-panjang tetapi yang perlu, latihan itu mestilah merupakan satu siri latihan intensif yang betul-betul berguna untuk menolong para pelajar membentuk ayat dan perenggan dalam karangan mereka. Sebenarnya karangan yang pendek tidak menjadi beban kepada guru dan lebih memudahkan mereka memeriksa, memberi tunjuk ajar atau membuat pembetulan.

Di samping itu kepanjangan yang sederhana ini juga memberi ruang yang sewajarnya untuk pelajar menyiapkan karangan dalam tempoh masa yang dihadkan. Kekerapan menimbulkan kebiasaan kepada pelajar menulis karangan dengan struktur ayat yang gramatis dan berkesan. Guru juga dapat membuat penelitian bagi setiap kesalahan atau kesilapan yang dilakukan oleh pelajar.

Guru juga perlu mengadakan perbincangan tentang kesilapan-kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pelajar. Alasan sebab kesilapan sintaksis itu perlu dibincangkan dan sama-sama membetulkan kesilapan tersebut dengan pelajar di dalam kelas.

Berpandukan kepada penelitian dan pemeriksaan kesilapan dalam karangan, guru harus menjadikan analisis kesilapan sebagai satu strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Kaedah dapat dilakukan dengan cara mengadakan latihan pengesanan kesilapan bahasa sama ada sumber daripada pelajar sendiri atau daripada guru. Melalui gerak kerja ini pelajar perlu mengesan kesilapan bahasa dalam petikan (sumber) tadi. Kemudian mereka sendiri membetulkannya. Aktiviti ini dilakukan secara individu atau kelompok atau secara kelas.

Setiap latihan yang diberikan kepada pelajar hendaklah diperiksa dan ditandakan kesilapan bahasanya. Catatan pembetulan perlu dilakukan juga. Oleh itu, maklum balas tentang kesilapan bahasa mereka dapat diketahui dan kemungkinan akan menjadi panduan bagi penulisan akan datang.

Pelajar perlu didedahkan dan diperkenalkan dengan pelbagai bentuk penulisan termasuk rencana-rencana yang mengandungi frasa dan struktur ayat yang betul dan gramatis. Menurut (Mohamad Harun dalam Mohd. Salehuddin 1993: 95) kegemaran membaca akhbar dan majalah mempunyai pertalian yang signifikan dengan pencapaian bahasa pelajar terutama aspek sintaksis. Sesi pengajaran yang sesuai, bentuk-bentuk tulisan begini boleh dijadikan bahan pengajaran pembelajaran. Dalam pengajaran nanti aspek-aspek khusus seperti pola-pola ayat tertentu yang menjadi masalah kepada pelajar diberi keutamaan dan penekanan yang lebih. Oleh itu, galakan dan pendedahan yang mencukupi kepada pelajar supaya mereka rela membabitkan diri dalam aktiviti membaca, terutama di luar waktu sekolah dengan tujuan agar

pelajar dapat menguasai dan meningkatkan kemahiran sintaksis dengan lebih berkesan dan manfaat.

Pelajar dari semasa ke semasa perlu dilatih mengemukakan pendapat dengan menggunakan pelbagai struktur ayat yang gramatis. Menurut Corder (1973: 256) bahawa kesilapan yang dilakukan oleh pelajar merupakan unsur penting dalam sistem pengumpulan maklum balas sebagai hasil proses pengajaran pembelajaran. Oleh itu, latihan begini dapat memberikan peluang kepada pelajar melahirkan buah fikiran, pengalaman dan imaginasi mereka dalam bentuk kemahiran lisan dan tulisan.

Di samping itu, ada pula terdapat beberapa faktor penting dalam menentukan kejayaan pengajaran pembelajaran bahasa terutama bahasa Melayu, bergantung kepada aptitud, dorongan dan sokongan. Kenyataan ini bersesuaian dengan pendapat RC Gardner dan W.E Lambert dalam Abdullah Hasan (1987 :80) bahawa pelajar yang mempunyai aptitud yang tinggi, peluang yang baik, motif yang kuat serta belajar dalam masyarakat yang mendorong akan memperolehi kejayaan dan berkesan pembelajaran bahasanya.

5.3.3 Faktor Guru

Penggerak atau pelaksana kepada penguasaan bahasa yang sempurna telah menjadi tanggungjawab guru. Tahap kebolehan dan penguasaan bahasa yang dimiliki oleh guru menjadi kayu pengukur penentuan penguasaan bahasa seseorang pelajar. Oleh itu, seseorang guru bahasa Melayu bukan sahaja harus mempelajari selok-belok

bahasa, tetapi aspek-aspek bukan bahasa yang bergabung jalin dengan aspek bahasa bagi memudahkannya membantu penyampaian penguasaan pelajar bagi menjana kemahiran keseluruhan.

Di sekolah pada asasnya, keutamaan mengajar bahasa Melayu ditugaskan kepada guru bahasa yang mempunyai latar belakang ilmu bahasa yang baik. Guru bahasa Melayu sepatutnya mempunyai pengetahuan tentang fonologi, morfologi, dan sintaksis; sumber perkembangan kosa kata sesuatu bahasa, khususnya bahasa Melayu; semantik, neka bahasa dari sosial, daerah dan fungsi.

Oleh itu, guru yang tidak mengetahui pengetahuan yang banyak tentang bahasa Melayu atau yang kurang minat tidak harus dipaksa mengajar bahasa kerana guru ini selain kurang mantap pengetahuan bahasa mereka kurang mengetahui perkaedahan, pendekatan dan teknik pengajaran bahasa. Tambahan pula jika guru itu tidak mendapat bimbingan dan pendedahan tentang daptan-daptan baru tentang pedagogi pengajaran bahasa.

Hakikatnya memang mustahil tidak menggunakan guru yang kurang pengetahuan banyak tentang bahasa mengajar bahasa Melayu terutama dalam mengajar karangan. Menurut Koh Boh Boon (1981 :1) bahawa tujuan mengajar karangan untuk melatih kemahiran-kemahiran yang perlu dalam menghasilkan sesebuah karangan yang berkesan dan boleh meliputi dua aspek. Aspek yang pertama, latihan memilih secara logik; meliputi kebolehan kognitif untuk mengulung, membanding, menyimpul, menggabung dan sebagainya. Aspek keduanya pula,

latihan menggunakan teknik-teknik bahasa termasuk membuat ayat yang bertatabahasa, menyusun sekumpulan ayat yang berkait untuk menjadi satu perenggan yang berurutan menjadi sebuah karangan yang berkesan. Oleh itu, memenuhi keperluan kriteria ini keperluan kepada guru yang berpengetahuan bahasa dan pengetahuan pedagogi pengajar bahasa amat jelas. Untuk memenuhi tuntutan ini, pihak yang terlibat atau bertanggungjawab perlu mengambil beberapa langkah positif dan berkesan.

Pihak bertanggungjawab perlu mengadakan kursus-kursus, sama ada yang bersifat intensif atau tidak, bagi memperbaiki penguasaan bahasa mereka. Penyelidikan oleh Awang Mohd Amin (1982) mendapati tidak ada guru-guru yang dilatih khas untuk mengajar karangan atau eseи walaupun mempunyai ijazah Pengajian Melayu serta disokong oleh latihan diploma atau sijil perguruan.

Jumlah waktu mengajar bagi guru bahasa harus berpatutan. Bebanan tugas guru bahasa adalah berat. Banyak aspek ketatabahasaan yang hendak ditumpukan, latihan pemeriksaan dan pembetulan yang teliti dan pemastian akan peningkatan terhadap perkembangan pencapaian bahasa pelajarnya secara kolektif. Di samping itu, bilangan pelajar satu-satu kelas kadang-kadang melebihi 40 orang. Akibatnya guru yang merasa terlalu berat dengan beban tugas itu tidak mempunyai banyak masa untuk membuat persediaan mengajar yang lebih baik. Akibatnya, daripada bebanan tugas yang banyak itu juga boleh menyebabkan guru menjadi kurang kreatif. Oleh itu, waktu mengajar yang berpatutan akan memberi ruang bagi membolehkan guru bahasa Melayu memberi tumpuan terhadap tugas dan persediaan dan latihan kerja pelajar.

Supaya guru-guru sentiasa lengkap dengan ilmu pengetahuan yang kemas kini tentang bahasa, perkembangan bahasa dan pengajaran bahasa, mereka hendaklah digalakkan menghadiri seminar, bengkel, simposium, kolokium tentang bahasa dan pengajaran bahasa dari semasa ke semasa. Mereka juga digalakkan mengadakan seminar dan bengkel untuk membincangkan masalah bahasa dan pengajaran bahasa sekolah-sekolah. Dengan ini, guru dapat menampilkan pengajaran bahasa Melayu, khususnya dalam bidang sintaksis dengan penuh inisiatif dan yakin.

Bagi meningkat tahap penguasaan sintaksis pelajar, juga dicadangkan supaya guru merangka strategi pengajaran bahasa Melayu yang betul terutamanya dari segi objektif setiap pengajaran yang berkaitan dengan aspek binaan struktur ayat supaya pelajar mendapat asas yang kukuh. Menurut Corder (1973:256) bahawa kesilapan yang dilakukan oleh pelajar merupakan unsur penting dalam sistem pengumpulan maklum balas sebagai hasil daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu berdasarkan analisis kesilapan boleh membantu guru dalam menyediakan objektif pengajaran yang tepat.

Guru perlu berinovatif dan kreatif terhadap pengajaran mereka. Sifat guru yang kreatif dan bijak mempelbagaikan kaedah, pendekatan dan teknik pengajaran bahasa. Kaedah pengajaran bahasa yang diberikan di maktab-maktab, di fakulti-fakulti atau jabatan pendidikan hampir seratus-peratus didasarkan kepada kaedah pengajaran bahasa Inggeris (Awang Had Salleh, 1985 : 60). Oleh itu, guru yang kreatif dapat menyesuaikan pedagogi pengajaran untuk digunakan bagi mengajar bahasa Melayu, terutama aspek sintaksis kepada pelajar negara ini.

Penggabungjalinan dan penyesuaian pedagogi pengajaran bahasa Melayu ini akan menimbulkan kesan pengajaran dan pembelajaran yang bermakna.

Guru panitia di sekolah perlu membuat tinjauan penguasaan aspek bahasa, terutama binaan struktur ayat bagi setiap tingkatan sebaiknya setiap bulan supaya punca kelemahan pelajar dapat dikesan peringkat awal lagi. Pihak panitia juga perlu merangka strategi pemulihan yang sistematik dan seragam bagi setiap tingkatan.

Walaupun pada masa ini, kaedah gabung jalin begitu popular hingga menjadi suatu pegangan kepada guru bahasa dalam pengajaran bahasa Melayu dengan aspek-aspek tatabahasa itu disisipserapkan pengajaran tersebut terutama bagi pelajar tingkatan 1 hingga 5, hanya pada peringkat prauniversiti baru diajarkan secara formal dalam Bahasa Melayu Kertas 1 (910/1).

Kelemahan dalam penguasaan tatabahasa memberi kesan kepada penguasaan sintaksis. Abdul Hamid Mahmood (1993 : 115) menyatakan guru yang mengajar tingkatan 4, 5, dan 6 (prauniversiti) apabila membicarakan masalah kelemahan tatabahasa pelajar, bersepundapat kelemahan bermula dari peringkat sekolah rendah ke tingkatan 1, 2, dan 3. Selanjutnya guru bahasa di peringkat STPM menganggap tingkatan 6 sebagai kuala yang menghimpunkan sampah sarap dari hulu sungai. Oleh itu, agak sukar dan berat bagi guru-guru di peringkat prauniversiti (tingkatan 6) hendak membaiki kesalahan yang terhimpun sejak lama darjah 1 hingga ke sekolah menengah atas.

Penyelesaian kepada masalah ini bersesuaian dengan saranan Caroll (1973) agar guru menerangkan aspek-aspek struktur (tatabahasa) dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Mangantar Simanjuntak (1976 :104) pengajaran bentuk begini sesuai dengan teori atau metod kognitif.

Penggunaan kaedah ini kemungkinan bukanlah bermakna pelajar menghafal rumus tatabahasa atau pola ayat tetapi harus diajar secara sistematis melalui latihan-latihan ayat yang bermakna. Pengajaran tatabahasa haruslah berdasarkan suasana seperti mungkin pengajaran ketika itu memerlukan pendekatan induktif atau deduktif atau menggunakan kedua-dua sekali dengan memberi penekanan kepada pola ayat yang hendak diajarkan.

5.3.4 Faktor Penilaian

Faktor penilaian sama ada formatif atau sumatif dapat menentukan taraf penguasaan bahasa Melayu pelajar. Ujian objektif bahasa Melayu kertas 1 / Kertas 910/1 di peringkat prauniversiti hendaklah dikaji semula. Jika perlu, ujian bentuk objektif itu digantikan dengan ujian bentuk subjektif atau berbentuk struktur. Ujian bentuk objektif tidak begitu sesuai untuk mata pelajaran bahasa. Ujian-ujian objektif ini lebih sesuai untuk mata pelajaran yang memerlukan penguasaan fakta bukannya kemahiran bahasa (Awang Had Salleh 1985 : 56). Ujian objektif tidak dapat mengukur kemahiran-kemahiran kognitif yang penting. Ujian objektif tidak menghasilkan penggunaan bahasa Melayu yang berkualiti dan berupaya melahirkan fikiran secara tulisan dengan berkesan.

5.4 Cadangan Untuk Kajian Lanjut

Lanjutan daripada kajian ini banyak penyelidikan yang berhubung dengan analisis kesilapan boleh dibuat kajian. Berikut merupakan cadangan-cadangan untuk kajian lanjut pada masa hadapan.

Kajian tentang penguasaan sintaksis bahasa Melayu pelajar patut diperluas dengan mengadakan kajian ke atas pelajar prauniversiti di sekolah-sekolah swasta, sekolah tajaan kerajaan negeri iaitu Yayasan Terengganu atau sekolah-sekolah agama Persekutuan atau kerajaan negeri. Sekolah-sekolah ini kurang mendapat perhatian pengkaji bahasa. Analisis perbandingan dapat dibuat antara sekolah berkenaan untuk mengenal pasti pencapaian bahasa Melayu pelajar dan seterusnya mengemukakan cadangan-cadangan untuk membaikinya.

Dalam kajian ini, penyelidik hanya mengkaji sintaksis pelajar prauniversiti, pada pendapat pengkaji ada faedahnya jika kajian dibuat dalam aspek kata (morfologi) terhadap pelajar prauniversiti ini. Hal ini penting kerana dalam penilaian STPM, kedua-dua aspek ini diberi fokus utama. Juga hal ini dianggap berguna sebagai ukuran akan keberkesanan pengajaran guru dalam penyampaian pengetahuan bahasa kepada pelajar, selain menilai penguasaan bahasa Melayu pelajar. Dapatkan kajian ini kemungkinan menghasilkan penemuan-penemuan baru yang berguna sebagai asas membaiki kelemahan yang terdapat di kalangan pelajar prauniversiti.

Kajian lanjut yang boleh dibuat dalam aspek semantik dan wacana bahasa bagi melihat pengaruh aspek tersebut terhadap penguasaan kegramatisan bahasa pelajar. Hasil dapatan nanti dapat memberikan satu sumbangan kepada usaha bagi membaiki dan meningkatkan penggunaan dan penguasaan bahasa yang gramatis di kalangan pelajar sendiri.

Kajian ini patut diperluas ke Sabah dan Sarawak dengan tumpuan kepada pelajar pelbagai kumpulan etnik. Perbandingan penguasaan bahasa Melayu pelajar ini yang menggunakan kurikulum bahasa yang sama dan standard dengan Semenanjung dapat dinilai dan seterusnya ditingkatkan. Dapatan ini memberi faedah yang bermilai dalam bidang pendidikan bahasa terhadap pelajar.

Kajian terhadap pelajar prauniversiti yang dilakukan oleh pengkaji hanya di sebuah sekolah sahaja, dan berupa kajian kes yang tidak dapat menggambarkan prestasi atau penguasaan bahasa Melayu sebenar pelajar prauniversiti di Besut dengan menyeluruh. Oleh itu, penyelidik mencadangkan supaya dibuat satu kajian yang lebih menyeluruh dengan melibatkan lebih banyak buah sekolah yang mempunyai pelajar prauniversiti supaya hasil kajian itu nanti dapat memberikan gambaran yang lebih hampir kepada keadaan sebenar.

Perkembangan terkini di maktab perguruan di negara ini telah wujud suatu program khusus iaitu Program Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI), bagi menampung dan membekalkan ilmu keguruan kepada guru-guru pelatih yang mempunyai ijazah. Kajian seumpama ini kemungkinan belum lagi dilakukan. Oleh

itu, kajian terhadap mereka ini patut dijalankan bagi mengukur kemampuan berbahasa mereka, lebih-lebih lagi usaha memasyarakatkan bahasa Melayu baku di kalangan pelajar harus bermula daripada masyarakat guru terlebih dahulu.

Kajian serupa juga harus dilakukan terhadap guru-guru pelatih di institusi pengajian tinggi tempatan seperti di maktab perguruan dan di universiti yang menawarkan pengkhususan kursus dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Mereka ini akan mengajar bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah. Kajian ini dirasakan perlu kerana beberapa buah kajian sebelum ini, seperti kajian Koh Boh Boon, (1975), Ridwan Ahmad, (1981), Raminah Hj. Sabran,(1983) dan Kamaruddin Husin, (1986), menunjukkan sesetengah guru pelatih atau mahasiswa masih kurang memuaskan penguasaan bahasa Melayu mereka.

Kajian terhadap pencapaian penguasaan bahasa Melayu di kalangan guru-guru bahasa Melayu di sekolah belum dijalankan. Oleh itu, patut juga kajian ke atas mereka ini dijalankan bagi mengukur kemampuan bahasa mereka sebagai sumber penyalur ilmu dan mengetahui sejauh manakah pengetahuan terkini tentang perkembangan bahasa Melayu terkini. Tambahan pula terdapat guru-guru Sains dan Matematik mengajar bahasa Melayu di sekolah-sekolah. Sudah pasti mutu dan kesan pengajaran bahasa Melayu yang dilakukan oleh guru yang tidak dilatih khusus ini tidak memuaskan.

Akhir sekali, suatu kajian tentang bahasa Melayu merentasi kurikulum patut juga dilakukan. Rasionalnya kajian ini untuk mengukur sejauh manakah penggunaan

bahasa yang betul dan gramatis dalam mata pelajaran selain bahasa Melayu di sekolah dan institusi pengajian tinggi di Malaysia.